

**KAJIAN EKSPERIMEN PROJEK EKO-KOMUNITI
DI RUKUN TETANGGA TAMAN AROWANA INDAH, SEREMBAN 2,
NEGERI SEMBILAN**

**DISEDIAKAN OLEH:
COINDEX SDN. BHD.**

**JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL
(JABATAN PERDANA MENTERI)**

**KAJIAN EKSPERIMEN PROJEK EKO-KOMUNITI
DI RUKUN TETANGGA TAMAN AROWANA INDAH, SEREMBAN 2, NEGERI SEMBILAN**

*Disediakan Oleh:
Coindex Sdn. Bhd.*

Tahun 2017

Abstrak

Secara amnya, rakyat Malaysia tidak prihatin kepada alam sekitar. Kerajaan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mencuba untuk mendidik orang awam melaksanakan kitar semula tetapi langkah ini kurang mendapat sambutan. Walaupun langkah-langkah yang diambil KPKT adalah menggalakkan, pihak Coindex berpendapat bahawa dengan menubuhkan Pusat Kitar Semula Berautomasi (PKSB) berinteraktif ini, proses pendidikan ini dapat dipercepatkan.

Pendekatan bersepadu dan kerjasama yang melibatkan pelbagai agensi kerajaan, NGO dan sektor swasta adalah amat di perlukan bagi mendidik pihak awam mengenai kitar semula dan alam sekitar. Kami mengesyorkan usaha-usaha di tumpukan terhadap penduduk-penduduk di taman melalui pendidikan dan menjadikan kitar semula sebagai suatu pengalaman yang menarik serta memberi pulangan atau ganjaran.

Demi kepentingan pendidikan , syarikat Coindex telah mengenalkan Pusat Kitar Semula Berautomasi (PKSB) yang interaktif bagi melengkapkan usaha Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dalam mendidik dan mentransformasikan komuniti di Taman Arowana Indah, Seremban 2, Negeri Sembilan.

RINGKASAN EKSEKUTIF

KAJIAN EKSPERIMEN PROJEK EKO-KOMUNITI DI RUKUN TETANGGA TAMAN AROWANA INDAH, SEREMBAN 2, NEGERI SEMBILAN

1. PENGENALAN

1.1 Latar Belakang

Pada mulanya, cadangan untuk menubuhkan sebuah Eko-Komuniti adalah di Pangsapuri Mentari Fasa 3&4, Petaling Jaya. Oleh kerana tidak mendapat kerjasama dari pihak Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MBPJ), tumpuan kajian ini diberi kepada Taman Arowana Indah, Seremban 2, Negeri Sembilan.

Pada 26 Jun 2016, pihak Coindex bermula dengan memberi taklimat kepada Ahli Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga (AJK KRT) Taman Arowana Indah di Pusat Rukun Tetangga (PRT). Memandangkan saiz PRT agak sederhana kecil maka pihak Coindex bercadang meletakkan mesin kitar semula "*smart weigh*".

Pada 13 Ogos 2016, pihak Coindex memberi latihan pertama kepada AJK KRT Taman Arowana Indah (TAI). Perbincangan menyentuh perkara berikut :

- a) Persediaan Pusat RT;
- b) Persediaan WIFI untuk mesin kitar semula;
- c) Keahlian penduduk-penduduk di Taman Arowana Indah (TAI); dan
- d) Kerjasama dengan Southern Waste Management Sdn. Bhd. (SWM).

Program ini terpaksa ditangguhkan sementara disebabkan wakil Coindex Encik Chew menghidapi penyakit kanser pada awal September 2016 dan memerlukan masa untuk pemulihan dari pembedahan dan kemoterapi. Kemoterapi terakhir beliau adalah pada 18 April 2017.

Seterusnya, pihak Coindex telah mengadakan mesyuarat bersama AJK KRT Taman Arowana Indah pada 20 Februari 2017. Perkara-perkara berikut telah dipersetujui:

- a) Persediaan PRT untuk memasang mesin kitar semula "*smart weigh*";
- b) Tarikh pemasangan mesin pada 16 Mac 2017;
- c) Latihan kepada AJK RT untuk menggunakan mesin kitar semula; dan
- d) Penduduk-penduduk di KRT Taman Arowana Indah bersetuju menjadi ahli dengan menggunakan ID mengikut alamat rumah masing-masing

1.2 Permasalahan Kajian

Secara amnya, rakyat Malaysia tidak prihatin kepada alam sekitar. Kerajaan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mencuba untuk mendidik orang awam melaksanakan kitar semula tetapi langkah ini kurang mendapat sambutan. Walaupun langkah-langkah yang diambil KPKT adalah menggalakkan, pihak Coindex berpendapat bahawa dengan menubuhkan Pusat Kitar Semula Berautomasi (PKSB) berinteraktif ini, proses pendidikan ini dapat dipercepatkan.

1.3 Objektif Kajian

- a) Untuk menubuhkan satu Eko-Komuniti yang bersemangat di Taman Arowana Indah, Seremban 2, Negeri Sembilan.
- b) Untuk membentuk satu Eko-Komuniti dengan menggunakan Pusat Kitar Semula Berautomasi bersama JPNIN dan Coindex.

1.4 Skop Kajian

Skop kajian adalah terhad kepada melatih Jawatankuasa menggunakan Mesin Kitar Semula sebagai alat untuk menubuhkan satu eko-komuniti yang bersemangat dengan proses latihan seperti berikut:

- a) Menubuh Jawatankuasa Eko
- b) Melaksanakan kaji selidik persekitaran
- c) Menubuh pelan tindakan
- d) Mengimplikasikan pelan tindakan
- e) Memantau dan menilai

1.5 Signifikan Kajian

Signifikan kajian yang dibuat adalah pembentukan eko-komuniti melalui pusat kitar semula berkesan meningkatkan kesedaran kepada alam sekitar dan interaksi komuniti dalam kawasan kejiranan.

1.6 Batasan Kajian

- a) Koleksi barangan kitar semula tidak menggalakkan kerana jumlah penduduk di taman tersebut dianggarkan 1,200 hingga 1,500 orang sahaja;
- b) Terdapat persaingan daripada syarikat pembeli barangan kitar semula yang aktif di Seremban;
- c) PRT yang menempatkan Mesin Kitar Semula ditutup untuk beberapa bulan disebabkan AJK yang bertugas secara tetap untuk memantau penggunaan Mesin Kitar Semula telah bekerja di tempat lain dan tiada pengganti;
- d) Penerimaan konsep kitar semula melalui mesin oleh penduduk-penduduk di KRT Taman Arowana Indah; dan
- e) Kerjasama daripada pemilik kedai-kedai untuk menawarkan diskaun kepada kumpulan komuniti yang memperoleh markah hijau dalam resit kitar semula

2. METODOLOGI KAJIAN

2.1 Responden Kajian

Semua Penduduk Taman Arowana Indah, Seremban 2, Negeri Sembilan (dianggarkan 1,200 hingga 1,500 orang sahaja)

2.2. Lokasi Kajian

Pusat Rukun Tetangga Taman Arowana Indah, Seremban 2, Negeri Sembilan.



2.3 Implimentasi Projek

Kajian ini merupakan suatu penglibatan komuniti melalui implementasi langkah-langkah seperti berikut:

a) **Pengubahan minda**

Untuk mendidik, melatih dan memberikan peranan kepada Jawatankuasa Rukun Tetangga untuk menjadi agen perubahan di komuniti mereka.

b) **Membuka Laluan Pengiktirafan kepada KRT**

Bekerjasama dengan Lembaga Jawatankuasa Eko berlandaskan 5-langkah metodologi dan 9-tema bagi mencapai pengiktirafan untuk komuniti mereka.

c) **Menggunakan Pusat Kitar Semula Berautomasi**

Mengajar penduduk cara menggunakan mata hijau dan mata pertandingan bagi menjadikan amalan kitar semula menyeronokkan, menarik serta berganjaran untuk komuniti.

d) **Melatih pelatih**

Melatih Jawatankuasa Rukun Tetanga sebagai agen transformasi komuniti agar mereka seterusnya dapat melatih Ahli Jawatankuasa yang lain/baru.

2.4 Pengoperasian Pusat Kitar Semula

Pusat kitar semula dibuka setiap hari pada pukul 5 hingga 6 petang. Penduduk-penduduk di taman boleh membawa barangan tertentu untuk dikitar semula melalui mesin "*smart weigh*" di pusat kitar semula.

Cara penggunaan adalah melalui skrin sentuh "*smart weigh*" seperti berikut :

- 1) Pilih "Ahli" atau "Awam";
- 2) Pilih "Ahli";
- 3) Pilih alamat rumah anda yang di senaraikan di skrin;
- 4) Seterusnya, pilih jenis barangan kitar semula di skrin;
- 5) Pintu akan terbuka dan letakkan barangan kitar semula di dalam konveyor;
- 6) Pintu akan ditutup dan barangan akan ditimbang dan markah hijau akan di berikan; dan
- 7) Tekan "Habis" dan resit kitar semula akan dikeluarkan.

Penduduk-penduduk boleh mengumpul markah hijau dalam resit-resit untuk mendapatkan diskaun dari kedai-kedai yang berkerjasama dengan Rukun Tetangga Taman Arowana Indah.

Kutipan barangan kitar semula akan dibeli oleh SWM Sdn. Bhd. dan hasil jualan akan diserahkan kepada KRT Taman Arowana Indah.

2.5 Senarai Semak Aktiviti Projek

Proses		Aktiviti	(√)
Langkah 1	1.0	Penubuhan Jawatankuasa Eko	√
	1.1	Latihan konsep Komuniti Eko	√
	1.2	Tugas Jawatan Eko	√
Langkah 2	2.0	Melaksanakan penyelidikan persekitaran - Bersetuju untuk fokus kepada tema “pepejal”	√
Langkah 3	3.0	Penubuhan pelan tindakan	√
	3.1	Memastikan dan menyiapkan tempat letak mesin kitar semula	
	3.2	Membuat mesin kitar semula	
	3.3	Memastikan WIFI dipasang	
	3.4	Mengenal pasti cara keahlian kitar semula	
	3.5	Memberi latihan tentang penggunaan Mesin Kitar Semula	
	3.6	Melancarkan pusat kitar semula Eko-Komuniti	
Langkah 4	4.0	Mengimplikasikan pelan tindakan	√
		Menyiapkan dan menyediakan tempat letak mesin kitar semula	√
		Membuat mesin kitar semula	√
		Mengenal pasti cara keahlian kitar semula	√
		Memberi latihan tentang penggunaan Mesin Kitar Semula	√
		Melancarkan pusat kitar semula Eko-Komuniti	√
Langkah 5		Memantau dan menilai	√

3. IMPAK KAJIAN

Impak kajian adalah penyebaran pengetahuan serta kemahiran menguruskan program eko-komuniti kepada ahli jawatankuasa KRT Taman Arowana Indah.

4. KESIMPULAN

Kegunaan mesin kitar semula memerlukan seorang ahli jawatankuasa yang dapat bertugas pada masa yang ditetapkan iaitu dari pukul 5 hingga 6 petang setiap hari. Masa yang terhad merupakan halangan kepada penduduk-penduduk untuk menggunakan pusat kitar semula. Persaingan dari syarikat pembeli barangan kitar semula yang sangat aktif di taman menjejaskan pengoperasian pusat kitar semula.

5. CADANGAN KEPADA JPNIN

Melalui pemerhatian dan kajian di KRT Taman Arowana Indah, pihak Coindex mencadangkan perkara-perkara berikut agar Kawasan Rukun Tetangga boleh memainkan peranan yang berkesan bagi menubuhkan satu pusat Eko-Komuniti yang bersemangat di kalangan masyarakat:

a) Menubuh Pusat Kitar Semula Rukun Tetangga di Sekolah Kebangsaan Wawasan yang berdekatan



Pusat Kitar Semula akan mengadakan satu mesin berautomasi yang menjual barangan yang berkhasiat (susu, minuman tidak berkarbonat, vitagen, buah-buahan, yogurt dan lain lain). Sebagai ahli kitar semula, mereka akan mendapat “Markah Hijau”. Markah ini boleh digunakan untuk mendapat *diskaun* daripada mesin berautomasi. Masyarakat di sekeliling sekolah boleh melaksanakan kitar semula di sekolah pada hari-hari yang tertentu. Separuh daripada jualan barangan kitar semula akan diberi kepada Kelab Rukun Negara untuk melaksanakan program-program kitar semula.

b) Membangunkan Kelab Rukun Negara untuk menjadi juara pendidikan persekitaran di sekolah

Pihak Coindex bercadang untuk menawarkan sekolah terpilih menjadi ahli “Eco-School WWF Malaysia” dan menyertai Kelab Rukun Negara, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional sebagai langkah untuk menjadi juara pendidikan persekitaran di sekolah.

Misi “*Eco-School*” adalah untuk memberi kuasa kepada murid-murid untuk menjadi ejen perubahan dunia dengan melibatkan mereka dalam pembelajaran yang berorientasikan tindakan ke arah memberi rangsangan kepada mereka untuk menyertai program kitar semula.

Dalam usaha mencapai misi “*Eco-School*”, pihak Coindex mencadangkan untuk mengembangkan Eco-Komuniti yang aktif dengan menggunakan metodologi 5-langkah, 9-Tema dan Pusat Kitar Semula Berautomasi yang melibatkan masyarakat dengan menjadikan program kitar semula menyeronokkan, menarik dan bermanfaat.

c) Ahli Jawatankuasa Rukun Tetangga sebagai penasihat Kelab Rukun Negara

AJK Rukun Tetangga akan dilatih untuk menjalankan metodologi “*Eco-School*” supaya mereka dapat memainkan tugas mereka dengan lebih berkesan sebagai penasihat kepada jawatankuasa eko Kelab Rukun Negara.

Selain daripada peranan tersebut, Jawatankuasa KRT boleh mengeratkan hubungan di antara sekolah dan komuniti. Mereka boleh mengalakkan komuniti untuk menderma kepada sekolah dengan menyertai program kitar semula di sekolah.